

MPK raikan kakitangan cemerlang



Norkamawati menerima anugerah daripada Muhammad Safian pada majlis terbabit, kelmarin.

SINAR HARIAN 10/4/2018

KUANTAN - Seramai 102 kakitangan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) menerima penghargaan setelah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2017.

MPK turut mengiktiraf perkhidmat cemerlang kakitangannya menerusi tiga kategori iaitu Anugerah Pengkhidmat Setia, Anugerah Khas Yang Dipertua.

Yang Dipertuanya, Datuk Fadzilla Salleh berkata, kejayaan yang diraih itu perlu dicontoh rakan sekerja lain untuk terus berkhidmat dengan lebih baik.

"Saya harapkan kecemerlangan ini akan dikekalkan serta menjadi pencetus kepada kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang. Malah, rakan sekerja boleh teladani kecemerlangan mereka ini.

"Tahniah saya kepada para penerima kerana menunjukkan komitmen yang tinggi sepanjang tahun lalu," katanya ketika berucap sempena Majlis Anugerah Pengkhidmat Cemerlang / Pekerja Terbaik Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) 2017 dan Pengkhidmat Setia 2018 di Dewan Bangunan Baharu Ibu Pejabat MPK, di sini, kelmarin.

Majlis yang dirasmikan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail itu turut dihadiri Setiausaha MPK, Hamiza Hamzah.

Sementara itu, Pembantu Tadbir, Ahmad Notizan Abdul Karim, 57, dipilih menerima Anugerah Khas YDP 2017 kategori lelaki di atas komitmen yang diberikan sepanjang setahun.

Beliau sudah enam kali menerima Anugerah Pengkhidmatan Cemerlang dan satu kali Anugerah Pengkhidmat Setia.

Manakala, Pegawai Tadbir Gred di Ketua Bahagian Korporat Jabatan Pengurusan dan Penguatkuasaan MPK, Norkamawati Kamal, 45, menerima Anugerah Khas YDP 2017 bagi kategori wanita.

"Saya tidak jangka dipilih menerima anugerah ini memandangkan ramai yang dirasakan layak untuk kategori ini.

"Apa pun saya bersyukur kerana niat bekerja yang ikhlas adalah lebih utama," katanya.